

05/06/2003

PM pelawa Jepun bangunkan Lembah Bio

Mohd Azlan Jaafar

TOKYO: Malaysia mempelawa saintis, penyelidik, firma farmaseutikal dan Kerajaan Jepun untuk sama-sama terbabit dalam pembangunan serta penyediaan

dana bagi projek Lembah Bio Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata bidang bioteknologi masih baru di Malaysia dan kepakaran serta bantuan kewangan diperlukan daripada semua pihak, terutama syarikat dan kerajaan Jepun.

Katanya, projek Lembah Bio tidak dapat dilaksanakan oleh Malaysia secara

bersendirian kerana penyelidikan dalam bidang bioteknologi memerlukan kepakaran dan perbelanjaan tinggi.

"Projek Lembah Bio ini bukan hanya untuk kebaikan Malaysia, tetapi untuk

Asia dan seluruh dunia," katanya dalam pertemuan dengan saintis dan wakil

syarikat farmaseutikal Jepun di Hotel Imperial, pagi semalam.

Kira-kira 12 pakar, penyelidik dan wakil syarikat farmaseutikal Jepun hadir dalam sesi perbincangan mengenai projek Lembah Bio itu. Sebelum itu,

Dr Mahathir diberi penerangan mengenai pelan utama projek berkenaan oleh arkiteknya, Dr Kisho Kurokawa.

Pertemuan dengan saintis dan penyelidik itu adalah susulan pertemuan tahun lalu yang membincangkan apa yang perlu dilaksanakan Malaysia untuk memajukan bidang bioteknologi.

Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba kelmarin sempena lawatan kerja tiga hari ke sini.

Lembah Bio yang dibina di kawasan seluas 200 hektar di selatan Cyberjaya, akan menjadi pusat pelabur serta saintis tempatan dan luar negara untuk melakukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) bidang bioteknologi, penyelidikan ubat-ubatan, selain menghasilkan produk untuk dikomersialkan di seluruh dunia.

Kerajaan mulanya memperuntukkan RM1 bilion untuk pelancaran projek itu tetapi mengurangkannya kepada separuh kerana kekurangan dana.

Dr Mahathir juga berharap kerajaan Jepun membantu usaha merealisasikan projek itu dengan menyediakan dana yang diperlukan kerana projek itu membabitkan perbelanjaan besar.

"Malaysia kaya dengan sumber dan kepelbagaian bio dan mempunyai cita-cita besar (bagi membangunkan bidang bioteknologi). Kerajaan berharap kerajaan Jepun dapat membantu," katanya.

Beliau berkata, walaupun Malaysia terpaksa mengurangkan separuh daripada

peruntukan asal untuk pembangunan Lembah Bio, kerajaan melihat projek itu

sebagai sesuatu yang mesti diteruskan.

"Ia adalah terlalu penting untuk dihentikan walaupun peruntukan awal dikurangkan," katanya.

Sementara itu, petang semalam Perdana Menteri melawat Institut Riken Yokohama iaitu antara makmal penyelidikan bioteknologi terulung di

Jepun.

Institut Riken Yokohama, kira-kira sejam berkereta dari pusat bandar Tokyo mempunyai pusat penyelidikan biologi untuk genomik, sains tumbuhan serta imunisasi dan alergi.

Institut yang mempunyai 2,700 saintis dan penyelidik itu memperuntukkan kira AS\$800 juta bagi tujuan penyelidikan.

Dr Mahathir diberi penerangan mengenai jenis penyelidikan yang dijalankan oleh Presiden institut itu, Shun-ichi Kobaysahi serta menghabiskan kira-kira dua jam meninjau beberapa kemudahan penyelidikannya.